

Langkah sekat berita palsu perlu dipertingkatkan

Prof Madya
Dr Malina
Osman



Pakar Kesihatan Awam
(Epidemiologi/ Biostatistik)
Jabatan Mikrobiologi dan
Parasitologi Perubatan, Fakulti
Perubatan dan Sains Kesihatan,
UPM

Sejak coronavirus (COVID-19) melanda dunia, berita tidak benar mengenainya dalam media sosial seperti bersaing dengan pantas-penalaran virus wabak berkenaan.

Meskipun dipantau dan sering diberi peringatan mengenai peruntukan undang-undang untuk mengekang keadaan ini, gejala penularan berita bohong mengenai virus itu seperti sukar dibendung.

Tidak cukup foto disunting atau ditambah, berita turut diadun dengan tulisan dan suara audio, mahupun video klip tertentu.

Bagaimanapun, perkongsian yang tidak dapat disahkan itu, pantas hebahannya. Lebih rumitkan, mereka yang berkongsi berita memberi alasan mengetahui kesahihan melalui perkongsian tanpa menyedari ia kemudian dikongsi berkali-kali individu lain.

Dalam konteks COVID-19, maklumat palsu, seperti kewujudan kes baharu di kawasan atau bandar tertentu berserta foto yang diplagiat serta dipalsukan kandungannya antara sering dihebahkan.

Penyebarkan maklumat palsu seperti ingin bersaing dengan pihak berwajib dalam memaklumkan kes baharu kepada masyarakat awam.

Di samping hebahan palsu kes baharu, penyebarkan juga cenderung memuatkan berita bersifat kontroversi untuk mewujudkan situasi luar biasa sehingga menyebabkan panik.

Sudah pasti dalam realiti semasa, keinginan mewujudkan berita tular dan mendapat perkongsian paling banyak menjadi sesuatu yang dianggap *trendy* ser-

ta memberi pengiktirafan.

Apa pun dari sudut psikologi, mencipta dan menghebahkan maklumat tidak benar ini, berasosiasi dengan pola pemikiran dan kecenderungan persepsi yang sedia ada pada seseorang.

Individu berkenaan cenderung menyebarkan sesuatu maklumat yang selari dengan apa yang dipercayai dan sesuai dengan apa yang difikirkannya.

Keadaan ini secara jelas dipengaruhi tahap dan kualiti pengetahuannya serta bagaimana ia bertindak untuk mengamalkan apa yang diketahuinya.

Berita palsu secara umum mempunyai banyak kesan buruk kepada masyarakat. Ia mencetus krisis panik serta kekeliruan dalam mengendalikan sesuatu isu secara berkesan.

Mereka yang tidak mempunyai latar belakang pengetahuan saintifik terdedah kepada maklumat salah dan berkemungkinan tidak melakukan apa yang sepatutnya dibuat.

Dalam kawalan wabak, ia mengganggu pihak berwajib menjalankan tugas disebabkan

banyak pertanyaan atau kemusykilan tidak berkenaan.

Masa yang sepatutnya dimanfaatkan dengan aktiviti mengekang wabak, dihabiskan pula untuk menjawab soalan yang tidak perlu hasil sebaran maklumat palsu yang berkenaan.

Pola pemikiran sedemikian juga menyebabkan saranan mencegah COVID-19 seperti untuk tidak ke luar negara atau mengadakan majlis sosial yang tidak perlu, dianggap tidak penting menyebabkan kerugian besar dari segi keuntungan ekonomi dan diri sendiri.

Individu yang tidak bersetuju dengan saranan berkenaan akan memilih pendapat yang menyanggahi apa yang disyorkan, tanpa memikirkan risiko komplikasi yang berpotensi untuk berlaku.

Justeru, langkah pencegahan untuk hebahan maklumat palsu ketika wabak COVID-19 perlu dipertingkatkan untuk membolehkan maklumat tepat serta perubahan amalan dapat membantu untuk mengekang penyebaran penyakit.

Selain tindakan undang-undang, pihak berwajib disyor menyediakan maklumat dalam paparan laman web mesra pengguna, pantas serta sentiasa tepat dan terkini. Kumpulan maklumat yang dipaparkan untuk keperluan umum perlu diasingkan daripada maklumat untuk kakitangan profesional, bagi memudahkan capaian oleh masyarakat umum.

Individu yang dikenal pasti menyebarkan berita palsu perlu dijemput ke klinik atau hospital untuk diberikan kaunseling dan nasihat berterusan, serta diberi peluang menyaksikan betapa sukarnya sesuatu kawalan wabak itu dilaksanakan.

Dalam menghadapi COVID-19 ini, hebahan berita palsu tidak mempunyai sebarang keuntungan. Ia menyusahkan dan mengelirukan seisi masyarakat.

Individu yang cenderung berbuat demikian wajar dipertimbangkan untuk menerima penalti melalui peruntukan undang-undang serta dibabitkan sama dalam aktiviti pendidikan dan praktis kawalan wabak.